

# PM jamin BN terus perintah dengan adil

KERAJAAN Rarisan Nasional (BN) yang diterajui Umno akan terus memerintah dengan adil untuk menjamin pembangunan negara ke arah pencapaian matlamat Wawasan 2020, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

~~Presiden Umno~~ itu berkata, hanya dengan pemerintahan adil melalui demokrasi yang tidak menyalahgunakan kuasa untuk kepentingan diri akan dapat meneruskan usaha membangunkan negara.

"Hanya jika kita tahu menggunakan demokrasi, kita boleh membuat kebaikan kepada rakyat dan negara. Kalau kita ada pemimpin yang menyalahgunakan kuasa untuk diri, parti dan ahli parti sahaja, dia akan ditolak oleh rakyat.

"Kalau kita suruh kerajaan bagi apa sahaja kepada 'orang kita', berapa ramai sangat orang kita yang ada? Ahli Umno berjumlah 1.7 juta sedangkan penduduk Malaysia ada 18 juta," katanya menggu-

lung perbahasan di Perhimpunan Agung Umno hari ini.

Datuk **Seri** Dr Mahathir berkata, kebaikan demokrasi ialah sistem itu membenarkan menjatuhkan mana-mana pemimpin yang menyelewengkan wang rakyat, menipu dan bersikap buruk.

"Demokrasi boleh dibaratkan seperti sebuah bangku yang mempunyai tiga kaki. Tiga-tiga kaki ini ialah penggubal undang-undang iaitu wakil rakyat, pentadbir iaitu kakitangan awam dan badan kehakiman.

"Ketiga-tiga cabang ini perlu bekerjasama kerana tanpa salah satu daripadanya, bangku akan terbalik," katanya.

Menurut Perdana Menteri, peraturan yang tidak membenarkan kakitangan awam kumpulan A bergiat cergas dalam politik dibuat supaya cabang pentadbiran dapat berfungsi dengan berkesan.